

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 7 OGOS 2017

RUJUKAN : 10026

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kanak-kanak 'stateless' yang mana salah seorang ibu atau bapa warganegara Malaysia dan apakah cadangan Kerajaan untuk menjadikan mereka warganegara kita bagi mengelakkan kesusahan yang dihadapi seperti mendapatkan pendidikan wajib, kesihatan dan peluang untuk hidup.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan kewarganegaraan individu adalah berdasarkan kepada taraf perkahwinan dan status kewarganegaraan ibu bapanya selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Mereka akan diberikan status sama ada warganegara atau bukan warganegara, tertakluk kepada syarat tersebut. Justeru, tidak wajar sekiranya individu mendakwa dirinya tidak mempunyai kewarganegaraan.

Manakala bagi kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga asing di luar perkahwinan, walaupun lelaki yang didakwa sebagai bapa kanak-kanak tersebut merupakan warganegara Malaysia, kanak-kanak tersebut akan tetap didaftarkan sebagai bukan warganegara selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Bagi isu pendidikan, kesihatan serta kelangsungan kehidupan kanak-kanak berstatus bukan warganegara seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa memberikan pertimbangan yang saksama bagi memastikan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya tanpa berkompromi dalam memelihara keselamatan negara dan keluhuran perundangan.